

BIDANG KEPAKARAN

1. Undang-Undang Alam Sekitar dan Sumber Asli
(*Environmental and Natural Resources Law*)
2. Undang-Undang dan Dasar berkaitan
Pembangunan Lestari
(*Sustainable Development Law and Policy*)



PROF. MADYA DR. SARAH AZIZ ABDUL GHANI AZIZ

PROFIL

Sarah Aziz Abdul Ghani Aziz berkhidmat sebagai seorang Profesor Madya / Felo Kanan di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) UKM. Beliau dididik dan dilatih di dalam jurusan undang-undang, khususnya undang-undang alam sekitar di peringkat ijazah sarjana dan Doktor Falsafah. Sebelum berkhidmat di UKM, beliau pernah berkhidmat sebagai seorang peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya. Fokus penyelidikan, pengajaran, penerbitan serta sumbangan khidmat tertumpu kepada aspek-aspek berkaitan undang-undang dan alam sekitar serta sumber asli, khususnya perkaitan undang-undang dan aspirasi pembangunan lestari. Setakat ini beliau telah diamanahkan sebagai ketua 25 projek penyelidikan dan kajian peringkat negara dan antarabangsa, dan pernah mengetuai projek rundingan peringkat kebangsaan. Berkaitan sumbangan khidmat pentadbiran, beliau pernah dilantik sebagai Pengerusi Pusat Kajian Bencana Asia Tenggara (SEADPRI UKM), UKM (2016-2019) dan sebagai Timbalan Pengarah Eksekutif (Kelestarian) di Pusat Strategi UKM (2020-2021). Beliau pernah menyumbang khidmat kepada kerajaan melalui lantikan sebagai ahli Lembaga Ahli Geologi, badan berkanun ditubuhkan menurut Akta Ahli Geologi 2008 selama dua penggal (2015-2020); dan ahli Science and Technology Expert Panel for Disaster Risk Reduction (komponen undang-undang), Agensi Bencana Negara (NADMA), Jabatan Perdana Menteri (2019-2021). Beliau juga pernah menyumbang khidmat secara penempatan berkala di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dalam penyediaan dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan 2005-2009; dan di Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia dalam kerja-kerja pemurnian dokumen Dasar Sumber Air Negara pada tahun 2011-2012. Khidmat juga telah diberi kepada beberapa agensi kerajaan, termasuk, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia berhubung semakan Akta Penyiasatan Kajibumi 1974; Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dalam penggubalan Pelan Induk Teknologi Hijau Negara (2017); di Akademi Sains Malaysia sebagai Domain Leader Governance di dalam Jawatankuasa Kerja (Task Force) Kajian Lembangan Tasik Chini (2021-2022); dan Agensi Pengurusan Negara (NADMA) Jabatan Perdana Menteri dalam penyediaan Rang Undang-Undang berkaitan pengurusan bencana (2021-2022).